



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (3)

28 Mac 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 3/2003 :  
KE ARAH MEMBUDAYAKAN NILAI BERTERIMA KASIH**

Matlamat Kementerian Pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Matlamat ini boleh dicapai melalui pendekatan kurikulum dan kokurikulum. Pihak sekolah pula telah diminta supaya memberi penekanan kepada pemupukan nilai melalui penerapan nilai-nilai murni menerusi kurikulum. Nilai-nilai murni ini termasuklah nilai bersyukur dan nilai berterima kasih.

2. Banyak pihak telah menegur budi pekerti murid yang seolah-olah bersikap tidak berterima kasih dan bersyukur. Tidak berterima kasih maksudnya tidak memberikan ucapan pembatasan budi dengan hati yang ikhlas, dengan suara yang jelas dan bermuka manis selepas menerima sesuatu. Keadaan ini jika dibiarkan boleh mengikis budaya berterima kasih yang sewajarnya menjadi amalan dan warisan bangsa.

3. Kementerian Pendidikan berpendapat langkah-langkah segera perlu diambil untuk meningkatkan amalan berterima kasih di kalangan murid sekolah. Pendekatan dan penyertaan yang bersepadu daripada semua pihak seperti guru, ibu bapa dan masyarakat, harus digembelngkan dalam menentukan kejayaan usaha murni ini. Sehubungan ini, pelaksanaan aktiviti membudayakan nilai berterima kasih hendaklah dilaksanakan di semua peringkat iaitu peringkat sekolah, daerah dan negeri seperti dinyatakan dalam "*Panduan Pelaksanaan Aktiviti Pembudayaan Nilai Berterima Kasih Di Sekolah*" (Lampiran A).

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia

**PANDUAN PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBUDAYAAN  
NILAI BERTERIMA KASIH DI SEKOLAH**

Pelaksanaan amalan budaya berterima kasih boleh dilaksanakan di sekolah melalui aktiviti-aktiviti berikut :

1. Pesanan di perhimpunan pagi secara berterusan.
2. Contoh dan teladan budaya terima kasih oleh pemimpin (Pengetua, Guru Besar dan guru-guru).
3. Sesi taklimat di minggu suaikenal.
4. Ceramah penataran ilmu kepada guru dan kakitangan.
5. Elemen nilai berterima kasih dalam pengajaran dan pembelajaran.
6. Elemen nilai berterima kasih dalam aktiviti kelab dan persatuan.
7. Majlis tahlil, doa selamat dan majlis kesyukuran di peringkat sekolah untuk setiap kejayaan atau ditimpa sesuatu musibah.
8. Elemen nilai berterima kasih semasa sambutan hari-hari tertentu seperti berikut :
  - Sambutan Hari Kebangsaan
  - Sambutan Hari Guru
  - Sambutan Hari Pahlawan
  - Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia
9. Program Terancang Kempen Bulan Berterima Kasih semasa sambutan hari-hari tertentu seperti berikut :
  - Pembacaan puisi untuk menzahirkan penghargaan, terima kasih dan terhutang budi terhadap seseorang atau kumpulan.
  - Program ziarah ke rumah orang-orang tua, pemimpin-pemimpin yang berjasa dan tokoh-tokoh guru.
  - Memberi anugerah kepada murid yang berbudi pekerti mulia.
  - Memberi kad ucapan dan penghargaan antara guru dan murid.
  - Menandatangani kad ucapan gergasi sebagai tanda terima kasih.
  - Menyediakan kain rentang di sekolah sebagai tanda ingatan dan mengenang jasa guru.
  - Mesej nilai berterima kasih oleh tokoh murid/ibu bapa.
  - Aktiviti gotong-royong seperti mengecat bilik darjah/tandas.